

07 OCT 1997

KERAJAAN AKAN LAKUKAN APA SAJA UTK PERTAHAN KESTABILAN EKONOMI:20AFFIFUDDIN

PETALING JAYA, 7 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar hari ini mengulangi jaminan bahawa kerajaan akan melakukan apa sahaja untuk mengatasi, menangani dan mengurus sebarang masalah ekonomi yang dihadapi negara.

Katanya rekod sebelum ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa Malaysia dapat manghadapi dan mengatasi masalah ekonomi yang lebih mencabar dan sukar.

"Pihak kerajaan sekarang sedang membetulkan apa-apa gangguan terhadap ekonomi negara. Ia tidaklah menjadi masalah sangat kerana asas ekonomi negara adalah kukuh," katanya semasa merasmikan Pusat Keselamatan Tunai milik Safeguards Corporation Bhd di sini.

Katanya kekukuhan negara telah diperkuatkan lagi dengan jaminan keselamatan dalam negara dan kestabilan politik.

"Kita tidak perlu bimbang - tahap tabungan negara masih kukuh iaitu 39 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), kadar inflasi yang berlegar sekitar tiga peratus, dan rizab luaran yang mencukupi dan sihat, untuk menjelaskan import negara sekurang-kurangnya selama empat bulan berturut-turut," katanya.

Mengenai suasana pelaburan dalam negara, Dr Affifuddin yakin pelabur-pelabur asing, yang kini dikatakan menjauhi pasaran kewangan Malaysia, sedang memerhati secara dekat dan akan beransur-ansur memasuki pasaran sehinggalah senario pelaburan berjalan seperti biasa.

Beliau juga menggesa rakyat dan entiti perniagaan supaya menuruti seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk lebih berdisiplin dalam merancang aktiviti perbelanjaan masing-masing.

"Ini bermakna dalam menghadapi masalah ekonomi, kita perlu menjadi patriotik dan sedikit autoristik," katanya apabila menekankan keperluan kepada langkah berjimat cermat untuk manfaat bersama.

Katanya dalam mengatasi masalah ekonomi, Dr Mahathir juga menyeru supaya negara mengurangkan import untuk membetulkan keadaan defisit dalam imbalan pembayaran negara.

Dalam sidang berita selepas itu, Dr Afiffuddin berkata jumlah pekerja asing yang bekerja di sektor pembinaan akan berkurangan berikutan keputusan kerajaan sedikit masa lalu untuk menangguhkan projek-projek besar.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus melaksanakan strategi untuk membangun dan memperkukuh ekonomi dalam keadaan penggunaan tenaga kerja penuh.

Dr Afiffuddin juga menyangkal pandangan bahawa pengaliran wang ke luar negara sebanyak RM2 bilion oleh tenaga kerja asing seperti yang dilaporkan, adalah tinggi dan merugikan negara.

"Kita mesti lihat secara relatif, iaitu secara kos efektifnya penggunaan tenaga asing kerana sumbangan mereka kepada pendapatan negara adalah lebih tinggi iaitu berbilion-bilion ringgit," katanya.

Beliau juga percaya dengan peningkatan mendadak pengautomasian oleh pengeluar-pengeluar dalam industri pengilangan dan pembuatan akan beransur-ansur mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Dr Afiffuddin juga berkata kadar upah kini adalah sihat, cuma kadar produktiviti menerusi Produktiviti Faktor Keseluruhan mestilah ditingkatkan untuk mengurangkan jurang upah-produktiviti. -- BERNAMA

RIZ SIA